



جَابَتْ قِنْدِي دِيْقِن دَرِي قَدَح دَارِ الْاِمَانِ

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM  
05604 ALOR SETAR  
KEDAH DARUL AMAN



No. TELEFON : 04-740 4000  
No. FAKS : 04-740 4342  
LAMAM WEB : www.jpn.moe.gov.my/jpnkedah

"KEDAH AMAN MAKMUR. BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI"

Ruj. Kami : JPK.03-11/3368(87)

Tarikh : 28 Disember 2015

Semua Ketua Sektor  
Semua Pegawai Pendidikan Daerah  
Semua Pengetua dan Guru Besar  
Negeri Kedah Darul Aman

Tuan,

**PENGUMPULAN PELAPORAN LATIHAN TAHUN 2015 SPLKPM**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa urusan merekod semua bentuk latihan yang telah dihadiri oleh semua warga KPM (guru dan bukan guru) bagi tahun 2015 adalah dengan menggunakan Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia (SPL KPM). Pelaporan latihan sepanjang tahun perlu diserahkan ke bahagian yang berkaitan untuk direkodkan dalam Buku Rekod Perkhidmatan (BRP).

3. Sehubungan itu, semua warga KPM adalah dipohon untuk mencetak pelaporan latihan masing-masing melalui modul individu SPL KPM dan menghantar ke bahagian yang menguruskan Buku Rekod Perkhidmatan seperti ketetapan berikut :

Bil	Sektor/Unit/PPD/Sekolah	Bahagian Rekod BRP
1.	i) Sektor/Unit di JPN ii) Sekolah Menengah Bukan PTJ	Unit Perkhidmatan, JPN Kedah
2.	i) Pejabat Pendidikan Daerah ii) SK/SJKC/SJKT	Unit BRP, PPD masing-masing
3.	Sekolah PTJ	Sekolah PTJ masing-masing
4.	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)	Unit BRP, Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia

.....2/-

4. Tarikh akhir serahan tersebut selewat-lewatnya pada **31 Januari 2016**. Sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas boleh diajukan kepada En. Zahidi bin Ahmad di talian 04-7404209 (Unit Latihan dan Kemajuan Staf, JPN Kedah).
5. Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan memberi keutamaan berkaitan perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG"**

Saya yang menurut perintah,



**(SAIDI BIN SHAARI)**

Ketua Sektor  
Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan  
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah  
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah

s.k. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah